



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 64
No. 24

19hb November 2020

TAMBAHAN
No. 1

No. 921.

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Seberang Perai yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet Dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 46, telah diaudit oleh wakil saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Bandaraya Seberang Perai pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Kerajaan Tempatan, 1976.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Bandaraya Seberang Perai dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Seberang Perai bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Seberang Perai tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Seberang Perai yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Kerajaan Tempatan, 1976. Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Seberang Perai yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Seberang Perai, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Bandaraya Seberang Perai untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Seberang Perai secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- (a) Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Seberang Perai, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit

yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersetujuan untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesahkan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- (b) Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersetujuan tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Bandaraya Seberang Perai.
- (c) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan pakai kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.
- (d) Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Bandaraya Seberang Perai sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Seberang Perai atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- (e) Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Seberang Perai memberi gambaran yang saksama.

Hal-hal lain

Sijil ini dibuat untuk Ahli Majlis berdasarkan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

KEPALA BATAS, PULAU PINANG
Bertarikh 14 September 2020

MAZMIZA BINTI MIHAT
b.p. Ketua Audit Negara
Malaysia

MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

“Saya, Shahrulnizad bin Abdul Razak, Pengarah Perbendaharaan pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Majlis Bandaraya Seberang Perai dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ékuiti Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.”

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas, di Butterworth, Pulau Pinang pada 13 Mac 2020

Di hadapan Saya,

FAIZAL BIN ABU BAKAR
(*Pesuruhjaya Sumpah*)
Malaysia

PENYATA YANG DIPERTUA DAN SEORANG AHLI MAJLIS

“Kami, Dato’ Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud dan Shuhada binti Abdul Rahim yang merupakan Datuk Bandar dan salah seorang Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Majlis, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ékuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Bandaraya Seberang Perai pada 31 Disember 2019 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.”

Bagi Pihak Majlis,

Bagi Pihak Majlis,

Nama: Dato’ Sr Haji Rozali
bin Haji Mohamud

Nama: Shuhada binti Abdul
Rahim

Jawatan: Datuk Bandar
Menara MBSP,
Bandar Perda,
Bukit Mertajam

Jawatan: Ahli Majlis
Menara MBSP,
Bandar Perda,
Bukit Mertajam

Tarikh: 29 Februari 2020

Tarikh: 29 Februari 2020

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

19hb Nov. 2020]

967

MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

(Ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171]

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2019 (DALAM TEMPOH PERALIHAN)

	Nota	31-12-2019 RM	31-12-2018 (Dinyatakan Semula) RM	1-1-2018 (Dinyatakan Semula) RM
ASET				
Aset Semasa				
Wang Tunai dan Baki di Bank	6	22,909,509	18,668,141	10,805,718
Simpanan Tetap	7	78,335,390	91,122,144	102,027,079
Penghutang	8	32,194,585	26,826,432	26,314,284
Pelbagai Belum Terima Lain	9	1,927,259	8,056,744	5,675,994
	-----	-----	-----	-----
		135,366,743	144,673,461	144,823,075
	-----	-----	-----	-----
Aset Bukan Semasa				
Aset Tak Ketara	10	1,364,647	1,303,847	1,551,787
Hartanah, Loji dan Peralatan	11	787,526,339	743,494,454	102,088,961
Hartanah Pelaburan	12	121,984,993	122,045,769	122,106,546
Kerja-kerja Dalam Perlaksanaan	13	1,645,125	589,049	—
Penghutang Pinjaman	14	468,053	362,061	296,216
	-----	-----	-----	-----
		912,989,157	867,795,180	226,043,510
	-----	-----	-----	-----
JUMLAH ASET		1,048,355,900	1,012,468,641	370,866,585
	-----	-----	-----	-----
LIABILITI				
Liabiliti Semasa				
Pelbagai Belum Bayar Lain	15	22,914,930	22,317,942	19,905,573
Cagaran-cagaran	16	14,074,759	10,958,216	12,307,137
Akaun Amanah	17	43,957,913	44,652,587	37,352,632
Pendapatan Tertunda	18	4,121,133	4,253,618	4,386,592
Peruntukan Manfaat Kakitangan	19(ii)	1,590,835	1,408,812	1,891,622
Geran Tertunda Pinjaman	20	8,600,104	10,792,063	13,472,709
Hutang Pinjaman Dari Kerajaan Negeri	21	7,275,576	5,289,025	5,185,300
	-----	-----	-----	-----
		102,535,250	99,672,263	94,501,565
	-----	-----	-----	-----
Liabiliti Bukan Semasa				
Pinjaman Dari Kerajaan Negeri	21	35,796,794	42,866,964	45,579,048
Peruntukan Manfaat Kakitangan	19(ii)	1,765,490	2,666,078	2,367,510
	-----	-----	-----	-----
		37,562,284	45,533,042	47,946,558
	-----	-----	-----	-----
JUMLAH LIABILITI		140,097,534	145,205,305	142,448,123
	-----	-----	-----	-----
ASET BERSIH		908,258,366	867,263,336	228,418,462
	-----	-----	-----	-----

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

968

[19hb Nov. 2020]

	Nota	31-12-2019 RM	31-12-2018 RM (Dinyatakan Semula)	1-1-2018 RM (Dinyatakan Semula)
ASET BERSIH/EKUTI				
Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan	22	1,700,000	1,700,000	1,700,000
Lebihan Terkumpul	23	906,558,366 — 908,258,366 —	865,563,336 — 867,263,336 —	226,718,462 — 228,418,462 —

**PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (DALAM TEMPOH PERALIHAN)**

	Nota	2019 RM	2018 RM (Dinyatakan Semula)
--	------	------------	--------------------------------------

**HASIL DARIPADA TRANSAKSI
BUKAN PERTUKARAN**

HASIL CUKAI

Kadar Taksiran	24	187,889,422	181,233,386
Sumbangan Membantu Kadar	25	8,428,454	8,414,024
Lesen dan Permit	26	19,621,188	16,679,170
Denda dan Hukuman	27	6,104,050 —	7,088,321 —
		222,043,114 —	213,414,901 —

HASIL PINDAHAN

Geran	28	7,191,958	33,080,388
Pelbagai Terimaan	29	120,513	587,567
Pendapatan Kredit Tertunda (Aset)	30	132,484	225,823
Terimaan Lain	31	6,464,566 —	5,985,282 —
		13,909,521 —	39,879,060 —

**HASIL DARIPADA TRANSAKSI
PERTUKARAN**

Perkhidmatan dan Bayaran	32	30,086,748	20,732,060
Perkhidmatan			
Perolehan dari Jualan Barang-barang	33	352,850	324,225
Sewaan	34	10,928,919	10,926,406
Faedah dan Perolehan dari Pelaburan	35	5,032,475 —	4,272,756 —
		46,400,992 —	36,255,447 —

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

19hb Nov. 2020]

969

	Nota	2019 RM	2018 RM (Dinyatakan Semula)
HASIL PELBAGAI			
Keuntungan Pelupusan Aset		—	1,499,183
Pengukuran Semula Aset		4,365,382	1,480,247
		-----	-----
		4,365,382	2,979,430
		-----	-----
JUMLAH PENDAPATAN		286,719,009	292,528,838
		-----	-----
PERBELANJAAN OPERASI			
Emolumen	36	81,368,293	76,439,351
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	37	2,461,776	2,044,235
Perhubungan dan Utiliti	38	7,805,247	7,331,691
Sewaan	39	1,285,646	2,288,479
Bekalan Bahan-bahan Mentah untuk Penyelenggaraan dan Pembakaian	40	8,084,155	7,213,717
Bekalan dan Bahan-bahan Lain	41	2,628,117	1,944,644
Penyelenggaraan dan Pembakaian Kecil Yang Dibeli	42	35,725,827	32,878,164
Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Lain yang Dibeli dan Hospitaliti	43	104,393,641	103,246,909
Pemberian Dalam Negeri	44	628,447	501,455
Tuntutan Insurans dan Pampasan	45	193,094	217,235
Faedah, Dividen dan Kenaan Bayaran Hutang Pinjaman	46	3,373,952	3,392,538
Pulang Balik dan Hapus Kira	47	283,290	1,825,639
Pelepasan Cukai Dihapus Kira	48	—	7,472,808
Rebat Cukai Taksiran	49	9,163,588	17,329,722
Hutang Ragu		2,210,359	2,089,978
Bayaran Cukai, Komisen, Insurans dan Perintah Mahkamah	50	11,309,554	4,029,433
Susutnilai	51	11,604,059	11,573,280
		-----	-----
Jumlah Perbelanjaan Operasi		282,519,045	281,819,278
		-----	-----

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

970

[19hb Nov. 2020]

	Nota	2019 RM	2018 RM (Dinyatakan Semula)
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN			
Bangunan dan Pembaikan Bangunan	52	90,992	1,036,350
Kemudahan dan Pembaikan Kemudahan	53	3,545,761	2,873,734
Jumlah Perbelanjaan Pembangunan		3,636,753	3,910,084
		-----	-----
PERBELANJAAN HARTA MODAL			
Kenderaan dan Jentera	54	500,932	320,357
Harta Modal-Harta Modal Yang Lain	55	977,943	661,858
Jumlah Perbelanjaan Harta Modal		1,478,875	982,215
JUMLAH PERBELANJAAN KESELURUHAN		287,634,673	286,711,577
(KURANGAN)/LEBIHAN BERSIH BAGI TAHUN SEMASA		(915,664)	5,817,261
		-----	-----

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (DALAM TEMPOH PERALIHAN)

	Nota	Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan RM	Lebihan Terkumpul RM (Dinyatakan semula)	Jumlah RM
2018				
Baki pada 1 Januari 2018		1,700,000	226,718,462	228,418,462
Kesan peralihan kepada MPSAS		—	633,027,613	—
Baki pada 1 Januari 2018 (dinyatakan semula)		1,700,000	859,746,075	228,418,462
Lebihan bersih tahun semasa		—	5,817,261	5,817,261
Baki pada 31 Disember 2018	23	1,700,000	865,563,336	234,235,723
		-----	-----	-----

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

19hb Nov. 2020]

971

	Nota	Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan RM	Lebihan Terkumpul RM (Dinyatakan semula)	Jumlah RM
2019				
Baki pada 1 Januari 2019		1,700,000	865,563,336	867,263,336
Kesan peralihan kepada MPSAS		—	41,910,694	41,910,694
Baki pada 1 Januari 2019 (dinyatakan semula)		1,700,000	907,474,030	909,174,030
Kurangan bersih tahun semasa		—	(915,664)	(915,664)
Baki pada 31 Disember 2019	23	1,700,000	906,558,366	908,258,366
		-----	-----	-----

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (DALAM TEMPOH PERALIHAN)

	31-12-2019 RM	31-12-2018 RM (Dinyatakan Semula)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
(Kurangan)/Lebihan Pendapatan dari Operasi Biasa	(915,664)	5,817,261
Pelarasan untuk:		
Susut Nilai Semasa	11,604,059	11,573,280
Pelarasan Tahun Lalu	—	(1,231,592)
Hutang Ragu	2,210,359	2,089,978
Rebat Cukai Taksiran	9,163,588	17,329,722
Kerugian Jualan Aset	10,813	17,850
Hapus Kira Hutang Lapuk	21,595	988,825
Hartanah, Loji Dan Peralatan Dihapuskira	9,232	7,160
Hapuskira Sumbangan Membantu Kadar	9,450	—
Faedah Dibayar	3,373,952	3,392,538
Faedah Diterima	(5,032,475)	(4,272,756)
Geran Tertunda Pinjaman	(2,191,958)	(2,680,647)
Hasil pengukuran semula aset	(4,365,382)	(1,480,247)
Kurangan Pendapatan Tertunda	(132,485)	(132,974)
Pelepasan Cukai Dihapus Kira	—	7,472,808
	-----	-----
Lebihan Operasi Sebelum Perubahan	13,765,084	38,891,206
Modal Kerja	-----	-----

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

972

[19hb Nov. 2020]

	31-12-2019 RM	31-12-2018 RM (Dinyatakan Semula)
Kenaikan Dalam Penghutang Pinjaman	(105,992)	(65,845)
Kenaikan Dalam Penghutang	(16,773,145)	(28,393,481)
Kurangan/(Kenaikan) Dalam Pelbagai Belum Terima lain	6,129,485	(2,380,750)
Kenaikan Kerja Dalam Perlaksanaan	(1,056,076)	(589,049)
Kenaikan Pelbagai Belum Bayar lain	596,988	2,412,369
Kenaikan/(Kurangan) Cagaran (Kurangan)/Kenaikan Akaun Amanah	3,116,541 (694,674)	(1,348,921) 7,299,955
Tunai Dijana Daripada Aktiviti Operasi Peruntukan manfaat pekerja	4,978,211 (718,564)	15,825,484 (184,242)
Tunai Bersih Dijana Daripada Aktiviti Operasi	4,259,647	15,641,242
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN	-----	-----
Pelupusan Jualan Aset	2,274	4,279
Tambahan Aset Tak Ketara	(441,240)	(131,609)
Tambahan Aset Infrastruktur	—	(10,562,018)
Belian Hartanah, Loji Dan Peralatan	(8,940,971)	(6,266,265)
Tunai Bersih Digunakan Untuk Aktiviti Pelaburan	(9,379,937)	(16,955,613)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN	-----	-----
Pembayaran Pinjaman Kerajaan Negeri	(5,083,619)	(2,608,359)
Faedah Diterima	5,029,442	4,271,446
Faedah Dibayar	(3,370,919)	(3,391,228)
Tunai Bersih Digunakan Untuk Aktiviti Pembiayaan	(3,425,096)	(1,728,141)
Kurangan Bersih Dalam Tunai dan Persamaan Tunai	(8,545,386)	(3,042,512)
Tunai dan Persamaan Tunai Pada Awal Tahun	109,790,285	112,832,797
Tunai dan Persamaan Tunai Pada Akhir Tahun	101,244,899	109,790,285

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

19hb Nov. 2020]

973

31-12-2019	31-12-2018
RM	RM
	(Dinyatakan Semula)

Tunai dan Persamaan Tunai
Terdiri Daripada:

(i) Wang Tunai Dan Baki Di Bank	22,909,509	18,668,141
(ii) Simpanan Tetap	78,335,390	91,122,144
	-----	-----
	101,244,899	109,790,285
	-----	-----

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	JUMLAH BAJET	Jumlah Sebenar	Varian Bajet^	Varian Bajet^	Nota	
	Asal					
PENERIMAAN						
Hasil Cukai	191,535,297	191,535,297	196,317,877	(4,782,580)	-2%	
Hasil bukan cukai	68,696,368	68,694,368	70,803,516	(2,109,148)	-3%	
Terimaan bukan hasil	11,000,000	11,000,000	11,567,893	(567,893)	-5%	
	-----	-----	-----	-----	-----	
	271,231,665	271,229,665	278,689,286	(7,459,621)	-11%	
	-----	-----	-----	-----	-----	
PEMBAYARAN						
Emolumen	83,651,300	83,651,300	81,368,293	2,283,007	3%	
Perkhidmatan dan bekalan	173,230,326	173,230,326	162,384,410	10,845,916	6%	
Pembangunan dan harta modal	23,493,780	23,493,780	5,115,628	18,378,152	78%	a
Pemberian dan kenaan bayaran tetap	9,462,540	9,462,540	4,192,459	5,270,081	56%	b
Perbelanjaan lain	6,160,510	6,160,510	11,538,682	(5,378,172)	-87%	c
	-----	-----	-----	-----	-----	
	295,998,456	295,998,456	264,599,472	31,398,984	56%	
	-----	-----	-----	-----	-----	
PEMBAYARAN BERSIH	(24,766,791)	(24,768,791)	14,089,814	(38,858,605)	157%	
	-----	-----	-----	-----	-----	

[^] Merujuk kepada varian di antara Jumlah Bajet Akhir dan Jumlah Sebenar.

Penjelasan material di antara Jumlah Bajet Akhir dan Sebenar adalah seperti berikut:

Nota:

- (a) (i) Kod bajet yang tidak dibelanjakan iaitu 32108 untuk pembinaan stor sitaan di Seberang Perai Tengah RM700,000, kod 32110 untuk pembinaan chiller plant MBSP RM3,000,000, kod 33120 pemasangan sistem “Variable Speed Chilled” RM300,000 dan alat keselamatan kenderaan RM50,000.

-
- (ii) Pelarasan perbelanjaan aset ke penyata kedudukan tunai untuk kod bajet iaitu 34110 untuk pembelian kenderaan yang mempunyai baki berjumlah RM7,809,850, 34204 alat-alat dan mesin kejuruteraan berbaki RM267,478, Kod 34207 penggantian lif baharu berbaki RM654,000, kod 35101 alat-alat pejabat berbaki RM357,997, perkakasan dan perisian komputer berjumlah RM3,797,120.
 - (b) Pelarasan ke penyata kedudukan tunai bagi Kod 45402 pembayaran balik don faedah atas wang pinjaman ibu pejabat MBSP RM1,880,464, pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam RM3,203,157.00.
 - (c) Perbelanjaan sebenar lebih tinggi daripada bajet disebabkan pembayaran cukai input sebanyak RM6,238,756 yang tidak boleh ditutut daripada Jabatan Kastam DiRaja Malaysia selepas pengauditan dibuat.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

NOTA 1: MAKLUMAT UMUM

(a) Penubuhan

Majlis Bandaraya Seberang Perai adalah ditubuhkan di bawah Seksyen 3(d) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*]. Majlis menukar namanya daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai kepada Majlis Bandaraya Seberang Perai mulai 16 September 2019 berikutan pengiktirafan status bandaraya pada tarikh tersebut.

Selain daripada pelaksanaan peruntukan-peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], pihak Majlis juga mengguna pakai Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*] dan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*].

(b) Aktiviti Utama

Majlis Bandaraya Seberang Perai merupakan sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat dalam menyediakan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsif kepada kehendak komuniti Seberang Perai.

Alamat prinsipal dan berdaftar Majlis adalah di Majlis Bandaraya Seberang Perai, Menara Bandaraya, Jalan Perda Utama, Bandar Perda, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

(c) Persembahan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan ini disediakan dalam mata wang Ringgit Malaysia (“RM”). Urusniaga yang melibatkan mata wang asing telah ditukarkan kepada nilai setara Ringgit Malaysia berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia atau Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengikut polisi yang ditetapkan.

Persembahan Penyata Kewangan Majlis dibuat pengelasan seperti berikut:

1. Penyata Kedudukan Kewangan.
2. Penyata Prestasi Kewangan.
3. Penyata Perubahan Dalam Ekuiti.
4. Penyata Aliran Tunai
5. Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar.
6. Dan Nota-nota Kepada Penyata Kewangan.

(d) Tarikh Pengesahan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 telah dibentangkan untuk perakuan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbiran dan Kewangan pada 13 Mac 2020.

NOTA 2: ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan Majlis disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS).

- (a) Bermula daripada tempoh tahunan pada atau selepas 1 Januari 2017, Majlis telah menggunakan piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) seperti berikut:

- MPSAS 1 — Pembentangan Penyata Kewangan
- MPSAS 2 — Penyata Aliran Tunai
- MPSAS 3 — Dasar Perakaunan, Perubahan Dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan
- MPSAS 5 — Kos Pinjaman
- MPSAS 9 — Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran
- MPSAS 13 — Pajakan
- MPSAS 14 — Peristiwa Selepas Tarikh Laporan
- MPSAS 16 — Hartanah Pelaburan
- MPSAS 17 — Hartanah, Loji dan Peralatan
- MPSAS 19 — Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka
- MPSAS 20 — Pendedahan Pihak Berkaitan
- MPSAS 21 — Penjejasan Aset Tidak Menjana Tunai
- MPSAS 23 — Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran (Cukai dan Pemindahan)
- MPSAS 24 — Pembentangan Maklumat Bajet Dalam Penyata Kewangan
- MPSAS 25 — Manfaat Kakitangan
- MPSAS 26 — Penjejasan Aset Menjana Tunai
- MPSAS 28 — Instrumen Kewangan: Pembentangan
- MPSAS 29 — Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran
- MPSAS 30 — Instrumen Kewangan: Pendedahan
- MPSAS 31 — Aset Tak Ketara
- MPSAS 33 — Asas Akruan MPSAS

-
- (b) Berikut adalah Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) yang tidak diguna pakai:

MPSAS 4 — Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing
MPSAS 6 — Penyata Kewangan Disatukan dan Entiti Kawalan Perakaunan
MPSAS 7 — Perakaunan bagi Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu
MPSAS 8 — Laporan Kewangan Dalam Syarikat Usaha Sama
MPSAS 11 — Kontrak Pembinaan
MPSAS 12 — Inventori
MPSAS 15 — Instrumen Kewangan: Pendedahan dan Pembentangan
MPSAS 18 — Laporan Segmen
MPSAS 22 — Pendedahan Maklumat Kewangan Mengenai Sektor Kerajaan
MPSAS 27 — Pertanian
MPSAS 32 — Konsesi Perkhidmatan Penyusunan: Pemberi
MPSAS 34 — Penyata Kewangan Berasingan
MPSAS 35 — Penyata Kewangan Disatukan
MPSAS 36 — Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama
MPSAS 37 — Pengaturan Bersama
MPSAS 38 — Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain

NOTA 3: PENYATA PEMATUHAN

Penyata kewangan MBSP dalam tempoh peralihan tahun ketiga di mana MPSAS 33 telah membenarkan pengguna kali pertama untuk mengiktiraf dan/ atau mengukur Aset dan/atau Liabiliti tertentu dalam tempoh satu (1) sehingga tiga (3) tahun.

NOTA 4: POLISI RISIKO PENGURUSAN KEWANGAN

Polisi risiko pengurusan kewangan Majlis adalah bertujuan untuk memastikan sumber kewangan Majlis adalah mencukupi untuk pembangunan aktiviti Majlis dalam menguruskan risiko mata wang, risiko kadar faedah, risiko kredit pasaran, risiko kecairan dan risiko aliran tunai Majlis. Polisi-polisi yang berkaitan aktiviti-aktiviti kewangan adalah seperti berikut:

- (a) Risiko Mata Wang

Majlis tidak terdedah kepada risiko mata wang yang serius memandangkan tiada urus niaga yang ketara dijalankan dengan menggunakan mata wang asing.

- (b) Risiko Kadar Faedah

Majlis memperolehi kemudahan kewangan melalui pinjaman daripada Kerajaan Negeri yang diperolehi pada kadar faedah yang berpatutan.

(c) Risiko Pasaran

Majlis tidak terdedah kepada risiko pasaran kerana tiada pelaburan siarharga yang dimiliki oleh Majlis.

(d) Risiko Kecairan dan Aliran Tunai

Majlis berupaya menyediakan jumlah tunai dan setara tunai yang mencukupi untuk memenuhi keperluan modal kerja. Sebarang lebihan dana akan dilaburkan di dalam simpanan tetap di institusi kewangan berlesen pada kadar faedah yang paling kompetitif.

(e) Nilai Saksama

Nilai saksama bagi aset dan liabiliti kewangan yang dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan seperti pada 31 Disember 2019 adalah dinilai pada nilai bawaan aset dan liabiliti tersebut berdasarkan kecepatan dan kematangan jangka pendek instrumen kewangan tersebut.

NOTA 5: DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA

Kesemua dasar-dasar perakaunan utama yang dibentangkan di bawah adalah konsisten dan selaras dengan dasar-dasar yang diguna pakai pada tahun sebelumnya.

(a) Dasar Perakaunan

Penyata kewangan Majlis disediakan mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS), selain daripada perkara yang dinyatakan di Nota 2 (b).

(b) Aset Tak Ketara

Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Majlis dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

Aset tak ketara diambilalih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran akan diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan.

Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk. Perisian komputer dilunaskan berdasarkan jangkaan hayat selama 5 tahun.

(c) Aset Infrastruktur

Pada tahun kewangan 2018, Majlis telah mengiktiraf aset infrastruktur seperti lampu jalan dan lampu isyarat taman yang diselenggara oleh Majlis sebagai aset infrastruktur Majlis.

Walau bagaimanapun, hasil perbincangan bersama kerajaan negeri menetapkan bahawa semua aset infrastruktur di bawah hak milik kerajaan negeri perlu diiktiraf sebagai aset infrastruktur kerajaan negeri walaupun diselenggara oleh Majlis. Sehubungan dengan itu, semua lampu jalan dan lampu isyarat taman yang telah diiktiraf sebagai aset infrastruktur dalam akaun Majlis pada tahun kewangan 2018 telah dinyahtiraf dalam tahun kewangan 2019 selaras dengan dasar baharu Majlis.

(d) Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul. Tiada susut nilai diperuntukkan untuk kerja-kerja dalam perlaksanaan.

Tanah pajakan disusut nilai mengikut kos projek dan dilaraskan mengikut tempoh pajakan. Tanah milik bebas tidak disusut nilai.

Susut nilai dikira mengikut kaedah garis lurus dengan menggunakan kadar tahunan seperti berikut:

Bangunan	2%
Kenderaan	10%
Jentera	20%
Kelengkapan Komputer	20%
Alat-alat Pejabat	20%
Kelengkapan Perabot	20%
Aset tak ketara	20%
Peralatan Sukan Dalaman	20%
Peralatan Dan Kelengkapan Keselamatan	20%

(e) Hartanah Pelaburan

Hartanah pelaburan adalah hartaanah yang dipegang untuk menjana sejaan mengikut harga pasaran atau peningkatan modal atau kedua-duanya. Ia tidak termasuk hartaanah yang dipegang untuk tujuan strategik atau untuk menyediakan perkhidmatan sosial walaupun hartaanah tersebut menghasilkan sejaan (di bawah harga pasaran). Hartanah pelaburan dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul.

(f) Kerja-Kerja Dalam Pelaksanaan

Kerja-kerja dalam Perlaksanaan adalah bagi kerja-kerja pembinaan hartaanah, loji dan peralatan serta perisian komputer dalam pelaksanaan yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan. Kos bagi pembinaan ini akan dipermodalkan sebagai hartaanah, loji dan peralatan mengikut tarikh Sijil Perakaunan Siap (Certificate of Practical Completion) dikeluarkan dan disusutnilaikan. Bagi kos perisian komputer pula ia akan dipermodalkan apabila perisian tersebut sedia untuk digunakan dan disusutnilaikan.

(g) Penghutang

Penghutang dinyatakan pada nilai yang boleh direalisasikan. Peruntukan hutang rugu akan dibuat untuk hutang yang telah dikenal pasti sebagai rugu berdasarkan kepada penyemakan akhir tahun ke atas baki hutang lama dan belum dapat dipungut.

Peruntukan umum hutang rugu bagi penghutang cukai taksiran adalah bagi tunggakan yang melebihi lima (5) tahun.

(h) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata aliran tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta pelaburan berkecairan tinggi dengan bank berlesen dan institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang duo belas bulan atau kurang yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

(i) Pelbagai Belum Bayar Lain

Pelbagai belum bayar lain merujuk kepada pemutang perniagaan dan lain-lain pemutang yang dinyatakan pada nilai kos iaitu nilai saksama bagi pertimbangan yang perlu dibayar pada masa hadapan bagi perkhidmatan yang diterima.

(j) Cagaran-cagaran

Cagaran-cagaran merupakan deposit yang diterima daripada pelanggan seperti yang telah ditetapkan oleh Majlis dalam syarat permohonan. Deposit ini dinyatakan pada nilai ianya dibayar.

(k) Pendapatan Tertunda Dan Pendapatan Kredit Tertunda

Pendapatan tertunda terdiri daripada waran peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri serta terimaan di bawah Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] untuk mengakaunkan kutipan daripada sumber-sumber tertentu bagi membiayai perbelanjaan atau projek yang telah ditentukan semasa tabung amanah tersebut diwujudkan.

Pendapatan kredit tertunda merupakan nilai susut nilai aset tetap yang diiktiraf sebagai terimaan bukan hasil di dalam penyata prestasi kewangan Majlis.

(l) Peruntukan Manfaat Kakitangan

i. Pelan Caruman Persaraan Ditentukan ialah Pelan Manfaat Pasca Pekerjaan apabila entiti membayar caruman tetap pada kadar yang ditetapkan kepada entiti berasingan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) bagi

kakitangan yang diberi taraf berpencen serta tidak mempunyai obligasi undang-undang atau konstuktif untuk membayar amaun selanjutnya. Obligasi bagi caruman kepada Pelan Caruman Persaraan Ditentukan diiktiraf sebagai Belanja Manfaat Pekerja dalam Lebihan atau Kurangan bagi tempoh perkhidmatan diberikan oleh pekerja.

ii. Kelayakan Lain Pekerja Kelayakan pekerja untuk gaji dan upah, cuti tahunan, cuti panjang, cuti bersara dan manfaat lain yang serupa diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan apabila terakru kepada pekerja (termasuk Ganjaran bagi Anggota bertaraf kontrak) untuk diselesaikan dalam tempoh dua belas bulan adalah dilaporkan pada jumlah yang dijangka dibayar. Liabiliti untuk kelayakan pekerja jangka panjang seperti Gantian Cuti dilaporkan sebagai Nilai Kini Aliran Keluar Tunai Masa Hadapan.

(m) Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan

Majlis telah meluluskan penubuhan Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan sebanyak RM1,200,000 dan Kumpulan Wang Pinjaman Komputer berjumlah RM500,000. Kemudahan ini diberikan kepada kakitangan yang layak dengan kadar faedah yang dikenakan adalah sebanyak 4% berdasarkan kaedah baki berkurangan.

Pemakaian rangka kerja MPSAS 29 Financial Instruments: Recognition and Measurement mengkehendaki item tersebut diiktiraf pada Nilai Saksama ditolak dengan kos urusniaga dan susulannya diukur pada Kos Terlunas dengan menggunakan Kaedah Kadar Faedah Berkesan.

(n) Pinjaman Kerajaan Negeri

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, Pinjaman Kerajaan Negeri diperolehi Majlis di bawah kadar terma pasaran telah diiktiraf pada nilai transaksi.

Pemakaian rangka kerja MPSAS 29 Financial Instruments: Recognition and Measurement mengkehendaki item-item tersebut diiktiraf pada Nilai Saksama ditolak dengan kos urusniaga dan susulannya diukur pada Kos Terlunas dengan menggunakan Kaedah Kadar Faedah Berkesan. Pengiktirafan liabiliti kewangan tersebut telah dikira semula secara retrospektif dan perbezaan nilai kini pinjaman dan nilai bawaan sebelumnya telah diselaraskan kepada baki awal Kumpulan Wang Lebihan Terkumpul.

(o) Geran Kerajaan

Geran kerajaan merujuk kepada Geran Tahunan Berasaskan Kaedah Keseimbangan (GTBKK) yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan. Pemberian geran tersebut diiktiraf sebagai terimaan bukan hasil di dalam penyata prestasi kewangan Majlis.

Lain-lain geran yang diterima dalam bentuk tunai untuk tujuan khas direkodkan di bawah Pendapatan Tertunda.

(p) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan dari cukai taksiran, keuntungan simpanan tetap dan sewa diiktiraf berdasarkan asas akruan.

Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran

Urusniaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urusniaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Cukai Taksiran

Cukai taksiran adalah hasil cukai yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar yang terletak di dalam kawasan Majlis. Cukai taksiran diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil cukai semasa dikeluarkan iaitu pada setiap 1 Januari dan 1 Julai.

(ii) Sumbangan membantu kadar

Sumbangan membantu kadar adalah hasil cukai tak langsung yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar bagi agensi-agensi Kerajaan dan Badan Berkanun yang terletak di dalam kawasan Majlis. Sumbangan Membantu Kadar diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil dikeluarkan iaitu pada setiap awal tahun.

(iii) Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit

Majlis merekodkan semua bayaran yang dikenakan berhubung dengan pemberian kelulusan atau kebenaran kepada individu, perbadanan, perniagaan dan perusahaan-perusahaan lain untuk tujuan peraturan dan kawalan. Ianya termasuk lesen perniagaan, permit sementara, lesen anjing, iklan dan lain-lain.

(iv) Denda dan Hukuman

Denda dan hukuman merupakan bayaran denda, sitaan dan hukuman-hukuman lain yang dikenakan kerana melanggar undang-undang atau kerana kegagalan memenuhi tanggungan kontrak sama ada berkaitan dengan spesifikasi atau masa termasuk denda cukai taksiran, waran, kos guaman, kompaun dan lain-lain kos penguatkuasaan.

Hasil bagi denda dan hukuman yang lain-lain diiktiraf setelah Majlis menerima bayaran kerana berdasarkan pengalaman dan ketidakpastian dalam membuat kutipan ke atas hasil denda dan hukuman.

(v) Geran kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran keseimbangan diambilkira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan. Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.

Hasil daripada Urusniaga Pertukaran

Hasil daripada urusniaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bawanya manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Hasil daripada Urusniaga Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan

Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan ini melibatkan semua terimaan berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi oleh Majlis termasuk perkhidmatan tempat letak kereta, pelan perancangan, pelan infrastruktur, pelan bangunan, senggaraan gerai dan pasar, potong rumput dan lain-lain perkhidmatan.

(ii) Perolehan dari Jualan Barang-Barang

Perolehan dari Jualan Barang-Barang merupakan terimaan daripada jualan borang sebut harga dan tender serta jualan harta benda fizikal (tidak termasuk pelaburan) dan lain-lain.

(iii) Sewaan

Hasil sewaan dikenakan ke atas premis-premis Majlis mengikut syarat perjanjian penyewaan.

(iv) Faedah dan Perolehan dari Pelaburan

Hasil keuntungan daripada pelaburan diiktiraf atas dasar perkadarannya yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaukan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut.

(v) Lain-lain terimaan adalah terimaan selain daripada nota 3(b) Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran (i) hingga (iv) di atas. Ianya diiktiraf selepas perkhidmatan diberikan.

(q) Pengiktirafan Perbelanjaan

Perbelanjaan adalah direkod dan diakaunkan untuk tempoh ianya dipertanggungkan. Bekalan, perkhidmatan dan kerja yang disempurnakan dan diterima sehingga 31 Disember boleh dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan berkenaan jika ianya dibayar dalam bulan terakru tahun berikutnya melalui Akaun Kena Bayar.

(r) Prinsip Akauntabiliti

Pihak Berkuasa Negeri akan meluluskan dan memberi kuasa kepada Majlis untuk melakukan pembayaran dari Kumpulan Wang Majlis melalui Bajet Tahunan. Kuasa membelanja yang dibenarkan dalam Bajet Tahunan adalah untuk maksud yang ditetapkan serta amaun yang diluluskan. Semua peruntukan yang dilulus tetapi tidak dibelanja dalam tahun kewangan berkenaan akan luput. Segala urusniaga Majlis akan diakaun dan dilaporkan dalam penyata kewangan Majlis.

(s) Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST)

Pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) berkuat kuasa pada 1 September 2018. Lanjutan daripada itu, jualan kupon letak kereta Majlis adalah tertakluk kepada SST yang berkadar 6%. Majlis juga menanggung SST yang dikenakan oleh pembekal bagi perolehan perkhidmatan yang tertakluk kepada SST.

(t) Pihak Berkaitan

Majlis menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Majlis, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada Datuk Bandar dan 24 orang ahli Majlis.

	2019	2018
	RM	RM

**NOTA 6: WANG TUNAI DI BANK
DAN DI TANGAN**

Wang tunai di bank	22,893,050	18,654,163
Wang tunai di tangan	16,459	13,978
-----	-----	-----
	22,909,509	18,668,141
	-----	-----

NOTA 7: SIMPANAN TETAP

Simpanan Tetap	78,335,390	91,122,144
	-----	-----

Deposit yang dilaburkan di institusi kewangan berlesen dengan kadar faedah dan kematangan deposit dianggarkan antara 3.40% hingga 4.10% dan dari 30 hari hingga setahun.

	2019 RM	2018 RM
NOTA 8: PENGHUTANG		
Penghutang—cukai taksiran bangunan*	28,772,527	24,857,960
Penghutang—cukai tanah	1,566,396	324,247
Penghutang—sumbangan membantu kadar	266,882	190,860
Penghutang—sewaan tanah	167,723	172,401
Penghutang—sewaan bangunan	200,222	227,352
Penghutang—sewaan gerai kompleks	551,037	450,498
Penghutang—sewaan gerai pasar awam	522,682	468,922
Penghutang—sewaan gerai pasar awam terbengkalai	147,116	134,192
	-----	-----
	32,194,585	26,826,432
	-----	-----
Penghutang—cukai bangunan	76,823,521	70,698,594
(-) Peruntukan hutang rugu cukai bangunan	(48,050,994)	(45,840,634)
	-----	-----
	28,772,527	24,857,960
	-----	-----
* Bangunan berpenghuni	10,056,825	6,052,393
Bangunan tidak berpenghuni	18,715,702	18,805,567
	-----	-----
	28,772,527	24,857,960
	-----	-----
Penghutang—cukai tanah	6,146,956	4,904,807
(-) Peruntukan hutang rugu cukai tanah	(4,580,560)	(4,580,560)
	-----	-----
	1,566,396	324,247
	-----	-----
Berikut adalah hutang lapuk dihapuskira dan peruntukan hutang rugu bagi tahun semasa.		
Penghutang—sumbangan membantu kadar	674,103	598,081
(-) Peruntukan hutang rugu caruman membantu kadar	(407,221)	(407,221)
	-----	-----
	266,882	190,860
	-----	-----

	2019 RM	2018 RM
Hutang lapuk dihapuskira untuk bangunan, tanah dan sumbangan membantu kadar	21,595	988,825
Hutang ragu	2,210,359	2,089,978
	-----	-----
	2,231,954	3,078,803
	-----	-----

**NOTA 9: PELBAGAI BELUM TERIMA
LAIN**

Penghutang Pinjaman kenderaan untuk kakitangan	188,332	135,492
Penghutang Pinjaman komputer untuk kakitangan	16,897	14,883
Penghutang—pungutan bersama	212,277	178,532
Wang dalam perjalanan	1,478,153	855,825
Cagaran bekalan	12,020	12,020
Pendahuluan projek	3,000	3,000
Faedah terakru	16,580	14,071
Pembayaran balik cukai barang dan perkhidmatan	—	6,842,921
	-----	-----
	1,927,259	8,056,744
	-----	-----

NOTA 10: ASET TAK KETARA

Perisian komputer

Kos		
Baki pada awal tahun	2,014,409	1,882,800
Tambahan	441,240	131,609
	-----	-----
Baki pada akhir tahun	2,455,649	2,014,409
	-----	-----
Pelunasan Terkumpul		
Baki pada awal tahun	710,562	331,013
Tambahan	380,440	379,549
	-----	-----
Baki pada akhir tahun	1,091,002	710,562
	-----	-----
Nilai buku bersih	1,364,647	1,303,847
	-----	-----

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

986

[19hb Nov. 2020]

NOTA 11(i): HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

2019

KOS

	Baki Pada 1-1-2019	Belian	Pindahan/ Pelarasian	Jualan	Aset Dihapus- kira	Baki Pada 31-12-2019
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Tanah	497,667,949	—	46,276,074	—	(90)	543,943,933
Tanah Pajakan	71,612,187	—	—	—	—	71,612,187
Bangunan	199,974,086	100,600	—	—	—	200,074,686
Kenderaan	67,203,389	6,965,511	—	—	(6,800)	74,162,100
Kelengkapan Komputer	7,200,525	766,431	—	(27,879)	(873,570)	7,065,507
Alat-alat Pejabat	2,863,426	539,421	—	(50,020)	(399,112)	2,953,715
Kelengkapan Perabot	517,471	25,676	—	—	(126,988)	416,159
Jentera	3,634,710	495,232	—	—	(329,417)	3,800,525
Peralatan sukan dalaman	456,860	—	—	—	—	456,860
Peralatan dan kelengkapan keselamatan	—	48,100	—	—	—	48,100
	851,130,603	8,940,971	46,276,074	(77,899)	(1,735,977)	904,533,772
	-----	-----	-----	-----	-----	-----

SUSUT NILAI TERKUMPUL

	Baki Pada 1-1-2019	Pindahan/ Pelarasian	Susut Nilai Semasa	Susut Nilai Aset yang dijual	Susut Nilai Aset yang dihapus- kira	Baki Pada 31-12-2019
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Tanah	—	—	—	—	—	—
Tanah Pajakan	2,565,862	—	103,162	—	—	2,669,024
Bangunan	54,243,194	—	3,999,649	—	—	58,242,843
Kenderaan	40,440,980	—	5,562,465	—	(3,570)	45,999,875
Kelengkapan Komputer	4,430,861	—	874,942	(14,794)	(871,491)	4,419,518
Alat-alat Pejabat	2,351,711	—	247,272	(49,830)	(397,048)	2,152,105
Kelengkapan Perabot	502,000	—	5,271	—	(126,459)	380,812
Jentera	2,651,164	—	362,872	—	(328,367)	2,685,669
Peralatan sukan dalaman	450,377	—	2,400	—	—	452,777
Peralatan dan kelengkapan keselamatan	—	—	4,810	—	—	4,810
	107,636,149	—	11,162,843	(64,624)	(1,726,935)	117,007,433
	-----	-----	-----	-----	-----	-----

2018

KOS

	Baki Pada 1-1-2018	Belian	Pindahan/ Pelarasian	Jualan	Aset Dihapus- kira	Baki Pada 31-12-2018
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Tanah	34,622,475	—	463,045,476	(2)	—	497,667,949
Tanah Pajakan	9,052,437	—	62,559,750	—	—	71,612,187
Bangunan	199,559,266	414,820	—	—	—	199,974,086
Kenderaan	63,238,468	3,675,660	342,023	—	(52,762)	67,203,389
Kelengkapan Komputer	5,966,528	1,161,623	190,297	(31,185)	(86,738)	7,200,525
Alat-alat Pejabat	3,391,589	67,805	(450,210)	—	(145,758)	2,863,426
Kelengkapan Perabot	519,644	2,827	—	—	(5,000)	517,417

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

19hb Nov. 2020]

987

2018

KOS

	Baki Pada 1-1-2018	Belian	Pindahan/ Pelarasan	Jualan	Aset Dihapus- kira	Baki Pada 31-12-2018
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Jentera	3,267,100	404,560	—	—	(36,950)	3,634,710
Peralatan sukan dalaman	—	3,000	453,860	—	—	456,860
Peralatan dan kelengkapan keselamatan	—	—	—	—	—	—
	-----	-----	-----	(31,187)	(327,208)	851,130,603
	-----	-----	-----	-----	-----	-----

SUSUT NILAI TERKUMPUL

	Baki Pada 1-1-2018	Pindahan Pelarasan	Susut Nilai Semasa	Susut Nilai Aset yang dijual	Susut Nilai Aset yang dihapus- kira	Baki Pada 31-12-2018
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Tanah	—	—	—	—	—	—
Tanah Pajakan	3,099,890	(637,190)	103,162	—	—	2,565,862
Bangunan	50,249,243	—	3,993,951	—	—	54,243,194
Kenderaan	35,260,645	—	5,233,087	—	(52,752)	40,440,980
Kelengkapan Komputer	3,794,627	272	727,062	(9,058)	(82,042)	4,430,861
Alat-alat Pejabat	2,667,688	(448,043)	275,460	—	(143,394)	2,351,711
